

'Isu prasarana Sabah diselesaikan segera'

PM tegaskan kerjasama padu kerajaan Pusat, negeri pasfikan perancangan mampu dilaksana

Oleh Rafiqah Dahali, Yun Mikail dan Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: Kerajaan Perpaduan bertekad menyelesaikan masalah prasarana, membabitkan bidang pendidikan, bekalan air dan jalan raya di Sabah dengan kadar segera, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim:

Perdana Menteri menegaskan, usaha menyelesaikan masalah itu memerlukan kerjasama padu di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri bagi memastikan gerak kerja serta pelan yang dirancang mampu dilaksanakan sempurna.

Katanya, beliau secara peribadi komited membantu Sabah menyelesaikan masalah itu dan sudah tiga kali datang ke sini sejak memegang jawatan Perdana Menteri dan melihat sendiri situasi prasarana di negeri ini.

"Hal ini kerana saya ingin memenuhi tanggungjawab. Ketua Menteri (Datuk Seri Hajiji Noor) menyebut kepada saya, kerajaan di bawah pimpinannya kuat dan padu, tetapi pada masa sama menyatakan ada beberapa masalah yang patut diselesaikan.

"Ia tidak cukup dengan kekuatan negeri sahaja, sebaliknya harus padu dengan Kerajaan Persekutuan. Antara isu besar adalah isu air dan jalan.

"Jadi, saya beri keputusan esok pagi (hari ini) Insya-Allah, saya akan mengadakan mesyuarat tertinggi peringkat Persekutuan dan negeri untuk menyelesaikan masalah air bersama kerajaan negeri," katanya pada majlis penutupan sambutan Pesta Kaamatan 2023 di Dewan Hongkod Koisaan, Persatuan Kebudayaan Kadazandusun (KDCA), di Penampang, semalam.

Terdahulu, Perdana Menteri yang tiba di pekarangan Dewan Hongkod Koisaan KDCA disambut penuh tradisi oleh Hajiji bersama Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan; Datuk Shahelmey Yahya dan Dr Joachim Gunsalam, selain Huguang Siou, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan.

Majlis penutupan sambutan Pesta Kaamatan peringkat negeri



Anwar menerima cenderamata daripada Dr Jeffrey sambil diperhatikan Hajiji pada Majlis Penutupan Sambutan Pesta Kaamatan Tahun 2023 di Penampang, semalam, (Foto Mohd Adam Annin/BH)

2023 disempurnakan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin. Yang turut hadir, isteri Yang Dipertua Negeri Sabah, Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Pesta Kaamatan yang juga dikenali sebagai Pesta Menuai disambut masyarakat Kadazandusun di Sabah kelmariin dan semalam sebagai tanda kesyukuran selepas berakhir musim menuai.

Tangani isu dengan baik

Sementara itu, Anwar berkata, pelaksanaan isi kandungan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dilihatnya sebagai suatu tanggungjawab generasi kini untuk melaksanakannya dengan sedia dan ikhlas.

"Dalam tempoh enam bulan, saya bersyukur hasil kerjasama kepemimpinan negeri serta Persekutuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, mempengerusikan hampir semua permasalahan dan sudah selesai dengan baik," katanya.

Sementara itu, ketika berueap di Program Ramah Mesra Bersama Bersama Warga Markas 5 Briged Kem Lok Kawi, Putatan, Perdana Menteri mengumumkan, Bayaran Insentif Wilayah (BIW) akan dibayar kepada semua pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang bertukar sama ada ke Semenanjung atau Sabah dan Sarawak berkuat kuasa 1 Julai ini.

Anwar yang juga Menteri Kewangan, berkata kelulusan itu bakal memanfaatkan 33,586 anggota ATM dengan implikasi kewangan tambahan sebanyak RM87.8 juta setahun berdasarkan perjawatan tahun 2022.

Beliau mendedahkan, selama ini pegawai dan anggota tentera yang bertukar wilayah perkhid-

matan menerima Bayaran Insentif Sabah Sarawak (BISS) dan Bayaran Insentif Semenanjung (BISM) tetapi kadar itu rendah jika dibandingkan BIW.

"Kadar BISS dan BISM adalah lebih rendah berbanding BIW yang diterima pegawai perkhidmatan awam lain, sedangkan asas bayaran tiga insentif itu adalah sama iaitu menampung kos sara hidup yang tinggi serta sebagai galakan pegawai dari Semenanjung untuk berkhidmat di Sabah atau Sarawak dan sebaliknya.

"Maka, kerajaan bersetuju memanjangkan BIW menggantikan BISS dan BISM untuk manfaat pegawai dan anggota ATM berkuat kuasa 1 Julai ini," katanya.

Turut hadir, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamad Hasan; Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Hajiji Noor, Timbalan Ketua Menteri merangkap Menteri Kerja Raya Sabah, Datuk Shahelmey Yahya dan Panglima Tentera Darat, Jeneral Datuk Seri Mohammad Ab Rahman.

Pada majlis sama, Perdana Menteri mengumumkan projek baharu pembangunan semula 49 unit rumah terbiar untuk dijadikan 47 unit kuarters awam dan sebuah Rumah Transit Kementerian Pertahanan cawangan Sabah di Taman Lok Kawi bernilai RM25 juta.

Selain itu, bagi projek sedia ada, Kerajaan Persekutuan bersetuju memperuntukkan pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Pelbagai Kelas Kem Lok Kawi sebanyak RM213 juta.

Di samping itu, Anwar juga turut mengumumkan pembinaan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lok Kawi bernilai RM23 juta, yang akan dimulakan dengan kadar segera.